


SULIT

NAMA : _____ KELAS : _____



3766/2

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5 2022
PERNIAGAAN
Kertas 2
November
2 ¼ Jam**



**NAMA SEKOLAH
ALAMAT SEKOLAH**

PERNIAGAAN
Kertas 2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** bahagian : **Bahagian A, B dan C.**
2. Jawab **5** soalan di bahagian A, **2** soalan daripada bahagian B dan **1** soalan wajib dalam bahagian C
3. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Bahagian A		Markah
Soalan 1	10	
Soalan 2	10	
Soalan 3	10	
Soalan 4	10	
Soalan 5	10	
Soalan 6	10	
Jumlah Markah (A)	50	
Bahagian B		
Soalan 7	15	
Soalan 8	15	
Soalan 9	15	
Jumlah Markah (B)	30	
Bahagian C		
Soalan 10	20	
Jumlah Markah (C)	20	
Jumlah (A+B+C) (Markah)	100	

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....
()

.....
()

.....
()

KP Perniagaan

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak termasuk mukadepan.

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Apakah tujuan perniagaan diwujudkan? [3 markah]

- (b) Gambar menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.



- (i) Kenalpasti gambar di atas dan berikan **tiga** ciri perniagaan tersebut [3 markah]
- (c) Huraikan kriteria berikut yang menentukan saiz perniagaan perkilangan.
- (i) Jumlah jualan tahunan [2 markah]
- (ii) Jumlah bilangan pekerja [2 markah]
2. (a) Terangkan **dua** trend persekitaran perniagaan. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** faktor dalaman yang mempengaruhi perniagaan. [4 markah]
- (ii) Berikan **dua** aspek penting carta organisasi. [2 markah]
3. (a) Mengapakah penetapan visi dan misi penting bagi sesebuah perniagaan? [4 markah]
- (b) Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam pembangunan produk baharu dari segi:
- (i) Penjanaan idea [2 markah]
- (ii) Penyaringan idea [2 markah]
- (iii) Pembangunan produk [2 markah]

4. (a) Mengapakah penghargaan dan hukuman menjadi salah satu aspek penting dalam pengeloaan sumber manusia bagi sesebuah perniagaan. [4 markah]

- (b) Pernyataan berikut berkaitan syarikat kain terkenal, Jakel Trading.

Jakel Trading telah memberi bonus kepada pekerja yang menunjukkan prestasi yang cemerlang untuk tahun 2021.

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaskan peranan pengurusan sumber manusia yang dimainkan oleh Jakel Trading dalam pembangunan perniagaan yang mampan. [3 markah]

- (c) Lakarkan satu struktur organisasi yang bersesuaian dengan logo di bawah.



[3 markah]

5. (a) Jelaskan kelebihan dan kelemahan menggunakan simpanan sendiri sebagai sumber pembiayaan. [4 markah]

- (b) Puan Ema merupakan pemilik 'Butik Ema' di Kuantan, Pahang. Dia ingin mengembangkan perniagaan butiknya dengan menggunakan satu lagi cawangan di Temerloh, Pahang tetapi menghadapi masalah kekurangan modal. Dia bercadang untuk mendapatkan pinjaman .

Terangkan kepada Puan Ema mengenai prosedur am untuk mendapatkan sumber pembiayaan perniagaan. [6 markah]

6. (a) Nyatakan **empat** ciri keperibadian yang dimiliki oleh seorang usahawan. [4 markah]

- (b) Kawan anda ingin memulakan perniagaan menghasilkan Kuih Bahulu. Jelaskan **tiga** faktor bagi peniaga untuk memulakan sesuatu perniagaan. [3 markah]

- (c) Menyediakan aliran penyata aliran tunai yang mudah berasaskan dokumen perniagaan yang dirancang.

Jelaskan **tiga** kepentingan penyata aliran tunai [3 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. (a) Gambar berikut berkaitan dengan logo sebuah badan kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan.



Bagaimanakah Pihak Berkuasa Tempatan membantu perniagaan? [7 markah]

- (b) Jelaskan **dua** inflasi di bawah :

- (i) Inflasi tarikan permintaan [4 markah]
 (ii) Inflasi tolakan kos [4 markah]

8. (a) Jadual 1 menunjukkan maklumat yang dipetik daripada penyata kewangan dua buah perniagaan kedai buku bagi tempoh enam bulan pertama.

Butiran	Shon Hen Enterprise (RM)	Ismail Book Store (RM)
Kos jualan	40000	60000
Untung bersih	25 000	45 000
Modal awal	100000	150000
Aset semasa	25000	50000
Liabiliti semasa	20000	25000
Stok purata	12000	15 000

Jadual 1

Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan menggunakan analisis nisbah asas?

Kemukakan bukti anda.

[6 markah]

- (b) Bagaimanakah penambahbaikan dapat dilakukan terhadap operasi perniagaan yang berprestasi rendah? [9 markah]

9. (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Penyata Pendapatan bagi Perniagaan Indah Jaya.

Perniagaan Indah Jaya					
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021					
			RM	RM	RM
Jualan					30500
<i>Tolak:</i> R					1500
Jualan Bersih					299000
<i>Tolak:</i>					
Inventori awal				50000	
Belian			230000		
<i>Tolak:</i> Pulangan Belian			2000		
Belian Bersih			228000		
<i>Tambah:</i>					
Angkutan masuk			1500		
Upah atas belian			1000		
Insurans Atas Belian			2000		
Duti Import			500		
S				233000	
Kos Barang Untuk Di jual				283000	
<i>Tolak:</i> T				45000	
Kos Jualan					238000
U					61000
<i>Tambah</i> :Hasil					
Komisen diterima				3500	
Faedah Atas Simpanan				2500	
					6000
<i>Tolak</i> :Belanja					
sewa				24000	
Insurans				2400	
Gaji				12000	
					38400
V					28600

Berdasarkan Penyata Pendapatan di atas, kenalpasti butiran bertanda **R,S,T,U** dan **V**.
[5 markah]

- (b) (i) Hitung Peratusan Margin Untung Kasar bagi Perniagaan Indah Jaya.[2 markah]

Jenis Nisbah	2020	2021
Peratusan Margin Untung Kasar	40%	25%

- (ii) Maklumat di atas berkaitan dengan Margin Untung Kasar bagi syarikat Teguh Sdn Bhd bagi tahun 2020 dan 2021. Justifikasikan kedudukan kewangan Syarikat tersebut berdasarkan analisis yang diberi. [4 markah]
- (c) Senaraikan 4 jenis Dokumen Perniagaan yang perlu di simpan dengan lengkap dalam urusan sesebuah perniagaan? [4 markah]


Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10. Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd. merupakan pengeluar tudung jenama 'SOFFIYA' yang beroperasi di sebuah premis yang disewa di Ipoh, Perak. Syarikat yang dimiliki oleh Puan Sofiyya ini bermula pada tahun 2016 dan telah mempunyai 15 orang pekerja tetap. Pada awal penubuhannya, Puan Sofiyya memulakan perniagaan dengan bermodalkan pinjaman daripada agensi kerajaan Tabung Ekonomi Kumpulan usaha Niaga (TEKUN) bernilai RM30 000. Pinjaman tersebut telah digunakan untuk membeli mesin jahit, fabrik dan peralatan asas untuk perniagaannya. Sehingga tahun 2019, Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd. telah berjaya memenuhi setiap tempahan pelanggan seluruh Malaysia hasil daripada pengeluaran yang cekap dan pekerja yang produktif. Permintaan dari pelanggan juga semakin meningkat disebabkan penggunaan fabrik tudung yang berkualiti, harga yang berpatutan dan memenuhi citarasa pelanggan di samping promosi hebat yang dijalankan secara atas talian.

Berikut adalah rumusan jualan tahunan Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd.



Namun begitu, pada awal tahun 2020, Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd. berdepan dengan satu situasi yang sukar. Pandemik COVID 19 telah memberi kesan besar terhadap ekonomi negara. Krisis ekonomi ini telah menyebabkan penurunan dalam pendapatan Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd. di mana Puan Sofiyya tidak mampu lagi untuk menanggung kos operasi yang tinggi dan terpaksa memberhentikan 10 orang pekerjaanya.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan yang berikut:

- (a) (i) Apakah trend persekitaran perniagaan bagi Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd. dari tahun 2016 sehingga tahun 2019? [1 *markah*]
(ii) Jelaskan faktor dalaman yang mempengaruhi trend persekitaran syarikat tersebut. [3 *markah*]
- (b) Bagaimanakah campuran pemasaran dapat membantu Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd. dalam meningkatkan hasil jualan setiap tahun. [4 *markah*]
- (c) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal yang dimiliki oleh Syarikat Sofi Hijab Sdn. Bhd. [6 *markah*]
- (d) Apakah jenis pengangguran yang mungkin berlaku akibat daripada kesan Pandemik Covid-19 tersebut terhadap ekonomi negara? Jelaskan. [3 *markah*]
- (e) (i) Apakah jenis sumber pembiayaan Puan Sofiyya? [1 *markah*]
(ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di 10(e)(i). [2 *markah*]

~ **KERTAS SOALAN TAMAT** ~